

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PENGAGIHAN ZAKAT DI ERA
REVOLUSI INDUSTRI 4.0: ANALISA
FAKTOR DAN CABARAN DI
WILAYAH PERSEKUTUAN**

AZRI BIN IBERAHIM

Tesis Dikemukakan Bagi Memenuhi
keperluan Untuk Ijazah
Sarjana
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Januari 2024

ABSTRAK

Pengurusan zakat di Malaysia telah berkembang setelah diinstitusi dan dikorporatkan. Namun isu-isu yang melibatkan pengagihan zakat kepada golongan asnaf masih lagi menjadi perhatian dan pertikaian dalam kalangan masyarakat. Pengagihan zakat yang berkesan dilihat sebagai elemen penting dalam menilai kredibiliti pengurusan sesebuah institusi zakat. Dalam hal ini, institusi zakat perlu meningkatkan kualiti pengurusan dengan mengadaptasikan kemudahan teknologi semasa. Teknologi telah banyak membantu memudahkan urusan harian manusia bermula dengan Revolusi Pertanian dan seterusnya Revolusi Industri. Perkembangan semasa memperlihatkan teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) telah diperkenalkan. Sama seperti industri lain, teknologi IR 4.0 turut berkeupayaan membantu memudahkan urusan dalam pentadbiran zakat. Perubahan daripada cara manual kepada berkomputer dalam pengurusan zakat adalah antara faktor yang menyumbang kepada perkembangan pesat pengurusan zakat di Malaysia. Pengurusan agihan zakat di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dipilih dalam kajian ini kerana antara yang termaju dan berada di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang mewakili imej negara Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor dan cabaran yang dihadapi dalam mengagihkan zakat, menganalisa pelaksanaan pengagihan zakat selari dengan perkembangan teknologi IR 4.0 dan akhirnya mencadangkan penambahbaikan terhadap pelaksanaan yang sedia bagi meningkatkan prestasi pengagihan zakat. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah secara kualitatif dengan temu bual semi struktur sebagai sumber data primer dan sumber data sekunder diperolehi daripada dokumen bercetak dan sumber dalam talian terutama repositori universiti. Analisa bertema, induktif dan kerangka model PESTEL digunakan dalam penganalisan bahan yang dibantu oleh perisian Atlas.ti. Secara keseluruhannya, MAIWP berada di landasan yang tepat dalam mengupayakan teknologi semasa dalam aktiviti pengagihan zakat yang dijalankan. Persediaan untuk terus melangkah dan berada dalam era teknologi IR 4.0 telah diambil serius dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa pemandu transformasi digital. Pengagihan zakat di Wilayah Persekutuan juga dilihat telah melalui transformasi antaranya dengan mengurangkan borang permohonan, memendekkan tempoh proses permohonan dan masa respon terhadap aduan asnaf yang pendek. Pengadaptasian elemen IR 4.0 di MAIWP dilihat berlaku dengan penggunaan e-wallet sebagai medium pengagihan, penggunaan sistem maklumat agihan secara web-based, penggunaan *cloud computing* dan pengintegrasian semua sistem maklumat di MAIWP.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji dan syukur bagi Allah SWT. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarganya, para sahabat dan mereka yang mengikuti jejak langkah Baginda sehingga ke hari kiamat. Syukur dipanjatkan ke hadirat Ilahi atas limpahan nikmat dan rahmat serta inayahNya tesis ini dapat disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan khas kepada Prof. Madya Dr. Mohd Afandi bin Mat Rani selaku penyelia yang banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan pandangan sepanjang penulisan kajian ini. Kesibukan beliau sebagai Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) tidak menjadi penghalang untuk membantu pengkaji sehingga ke garisan penamat. Semoga Allah membalas jasa baik beliau. Ucapan terima kasih juga ditujukan buat Dr. Muhammad Hasif Yahaya selaku penyelia bersama, Prof. Madya Dr. Rafeah, Dr. Mohd Faiz, semua pensyarah ACIS, UiTM Shah Alam, semua pegawai dan kakitangan UiTM yang secara langsung atau tidak langsung membantu menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan jawatankuasa ACIS Postgraduate Society (APS) kerana menganjurkan program-program bermanfaat yang membantu dalam kajian ini.

Sekalung penghargaan yang istimewa dan terima kasih ditujukan kepada ayahanda Ibrahim bin Awang dan bonda atas segala pengorbanan, jasa dan doa buat pengkaji meniti pencarian kehidupan yang sempurna. Buat isteri tercinta, Norshahida serta anakanda Muhammad Syahmi dan Afifah Kayyisa, pengorbanan dan kasih sayang kalian mendorong kejayaan penghasilan kajian ini. Juga buat adik-beradik, keluarga dan rakan-rakan yang mendoakan pengkaji.

Penghargaan turut dinukilkan buat pengurusan MAIWP yang menawarkan peluang cuti belajar ini dan memberikan kepercayaan dan pengharapan kepada pengkaji dalam menghasilkan kajian ini.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Skop Kajian	15
1.8 Penutup	17
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	18
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Zakat Dan Pengurusan	18

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab permulaan ini membincangkan berkenaan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan dan skop kajian yang menjadi sub-sub topik.

Dalam sub topik latar belakang kajian, perbincangan berkenaan zakat secara umum, perkembangan dan senario zakat di Malaysia dikaitkan dengan peranan serta fungsi semasa institusi zakat. Gambaran awal berhubung revolusi industri dijelaskan. Sub topik pernyataan masalah dimuatkan dengan penerangan isu dalam pengagihan zakat yang menarik perhatian pengkaji untuk merungkaikannya dalam ruang lingkup bidang kuasa zakat di Wilayah Persekutuan. Selepas pernyataan masalah jelas diterangkan, persoalan dan objektif kajian diterangkan dalam sub topik berikutnya.

Seterusnya kepentingan terhadap kajian ini terhadap negara, institusi zakat, pembayar, asnaf dan khazanah ilmu dijelaskan sebelum pengkaji menerangkan berkenaan skop kajian ini. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan bagi sub-sub topik yang dibincangkan secara umum.

1.2 Latar Belakang

Pengurusan zakat di Malaysia telah melalui evolusi dan berkembang sejak tahun 1990an. Hasan Bahrom & Shawal Kaslam (2007), meletakkan pelaksanaan dasar *Islamization* oleh kerajaan secara menyeluruh pada awal tahun 1980an sebagai faktor